

Rasulullah paksi ummah cemerlang dengan sahsiah

Akhlak asas pembentukan diri, penentu jatuh bangun bangsa dalam membina tamadun

Nik Salida Shuhaila

salidasuhaila99@yahoo.com



KETIKA membangunkan masyarakat Islam selepas peristiwa Hijrah, Rasulullah SAW memulakannya dengan membina akhlak mulia sesama saudara seagama. Umum tahu bukan mudah menyatupadukan banyak hati, tetapi ia dilakukan Rasulullah SAW dengan enteng meskipun ada cabarannya kerana akhlak yang Baginda tonjolkan menjadi pengajaran yang paling berkesan berbanding keyakinan yang diberikan kepada sahabat di sekelilingnya.

Sejarah membuktikan bahawa keperibadian yang mulia membentuk masyarakat yang cemerlang tamadunnya kerana ia tidak dipunahkan oleh tipu daya dan hasad dengki sesama manusia. Rahsia kejayaan Rasulullah SAW sehingga mampu membentuk barisan sahabat yang kukuh dan mantap dari segi sahsiah dan keperibadiannya adalah dengan menonjolkan akhlak yang mulia sejajar keperibadian Muslim sebenar yang dipaparkan dalam al-Quran. Tanpa apa-apa kepentingan di dunia, Baginda memimpin orang kamannya dengan keluhuran Islam, ada wahyu baginda sampaikan, apabila berdepan kebuntuan Baginda sama syurakan. Laba daripada inilah yang menjayakan sebuah kepemimpinan yang akhirnya dikagumi kerana integriti,



GAMBAR HIASAN

MUSLIMAH yang baik sentiasa terapkan asas keimanan dalam diri anak.

bukan kepentingan diri.

Ia juga adalah kerana Baginda tahu bahawa akhlak adalah asas pembinaan diri yang akan menentukan jatuh bangunnya bangsa serta menjadi faktor pembinaan sebuah tamadun dan hadharah, bahkan inilah sebab utama diutuskan Rasulullah SAW ke dunia. Di dalam Surah Al-Ahzab, Allah SWT berfirman di dalam ayat ke-21 yang bermaksud: *“Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu contoh teladan yang baik bagi kamu.”*

Antara cara yang terbaik untuk membentuk akhlak mulia ialah dengan cara pendidikan berasaskan contoh teladan yang baik. Setiap individu haruslah memiliki sifat amanah, dedikasi, komited pada tugas, ikhlas, sanggup berkorban masa dan tenaga dan sikap suka

membantu serta membimbing dan berperanan sebagai ‘role model’ antara satu sama lain. Antara aspek terpenting yang harus diambil perhatian ialah penampilan setiap individu Muslim, peribadi yang seimbang dalam pemikiran dan tindakan dan sikap terhadap konsep berilmu, bermal dan berakhlak yang sebenar.

Antara akhlak mulia yang dimodelkan oleh Rasulullah kepada sahabat ialah bersifat benar. Sifat ini meliputi semua perbuatan, perkataan dan gerak hati. Tidak ada sekelumit pun dendam, niat jahat, bicara untuk menyakiti hati orang lain semata-mata atau melakukan sesuatu perbuatan yang bukan saja mengundang kesusahan dan penderitaan kepada orang lain tetapi juga kemurkaan Allah SWT yang dijadikan ikutan, malahan itulah sempadan

yang dijuhi oleh para sahabat dalam meningkatkan keperibadian yang selari dengan perintah agama. Hari ini, kebanyakan kepincangan dalam urusan pentadbiran, hatta dalam institusi kekeluargaan sekalipun adalah disebabkan oleh sikap ‘tidak benar’ yang menjadi taruhan demi kemenangan di dunia.

Selain itu, sabar dalam semua keadaan adalah perkara yang paling mudah tetapi sukar dilakukan sekiranya hati kita tidak reda terhadap qada dan qadar Allah. Sifat sabar dibentuk oleh Rasulullah SAW sehingga dikagumi oleh sahabat dan musuh yang bersama baginda ketika hayatnya, bahkan tidak tergambar oleh kita hari ini betapa kesabaran Rasulullah sebenarnya yang menyelamatkan agama dan usaha syiar baginda dan akhirnya dapat dinikmati oleh seluruh Muslim pada hari ini. Menghadapi fitnah dan ancaman musuh yang datang dari segenap ceruk tentulah sukar ditepis, apatah lagi fitnah terhadap Rasulullah, tetapi daripada api yang asalnya sukar dihidupkan, fitnah akhirnya menjadi bara yang tidak padam-padam. Sehingga ke hari ini Rasulullah SAW masih menjadi bahan jenaka dan cacian golongan kuffar, tetapi Islam tetap rendah menaungi, kerana sikap sabar yang Baginda pusakakan menjadi ‘tuan’ kepada khalayak nafsu.

Satu sifat yang mulia yang ditonjolkan oleh Rasulullah juga ialah sifat pemaaf terhadap kesilapan yang dilakukan oleh sahabat dan musuh serta mudah bertolak ansur dan tidak pernah marah melainkan kesalahan itu dilakukan kepada Allah SWT. Sifat

ini tentulah pernah dilakukan oleh semua orang, tetapi ada kala ia tidak dapat dilakukan dalam semua atau setiap kesalahan. Tetapi Rasulullah tidak pernah melemahkan diri baginda dengan menghukum orang lain ataupun tenggelam oleh rasa marah yang mengawal akal. Ketenangan Baginda juga menggambarkan peribadi yang baik dan menunjukkan personaliti yang disukai ramai.

Rasulullah mendidik sahabat menurut tatacara akhlak yang ditentukan Allah, dan itulah yang membentuk sebuah masyarakat Islam yang begitu unggul sifatnya, beriman dan bertakwa serta cenderung dan mencintai kebaikan. Kegagalan dalam membentuk masyarakat yang berakhlak mulia samalah seperti mengakibatkan kehancuran pada bumi ini, seperti mana firman Allah SWT di dalam Surah Al-Rum ayat 41 yang bermaksud: *“Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia. (Timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merosakkan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka lakukan, supaya mereka kembali (Insaf dan bertaubat)”*.

Dalam menghadapi arus kemajuan dan cabaran abad baru, keperluan terhadap pembentukan akhlak mulia semakin mendesak memandangkan masalah sosial timbul selari perkembangan ekonomi dan kepesatan kemajuan dunia. Masyarakat dan bangsa yang memiliki akhlak mulia ialah penggerak ke arah pembinaan tamadun dan kejayaan diredai Allah SWT.